

Persatuan Dart Labuan kunjungi Rozman

LABUAN: Persatuan Dart Labuan yang diketuai oleh

Presidennya, Suali Tuah telah mengadakan kunjungan

hormat terhadap Ahli Parlimen Labuan, Datuk

Rozman Isli di pejabatnya di Tingkat 10, Bangunan Menara Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Pada majlis itu, Suali bersama AJK PDL Sesi 2016-2017 turut mengadakan sesi dialog dan majlis ramah mesra bersama Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan.

Presiden PDL juga memohon kepada Rozman

untuk menjadi Penaung dalam Persatuan Dart Labuan dan sekaligus membincangkan pelaksanaan program akan datang.

Sementara itu, Rozman berasa gembira menerima kunjungan itu sekaligus menerima tawaran sebagai Penaung Persatuan Dart Labuan.

Beliau akan terus memberi sokongan padu

demi pembangunan sukan dart di peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Rozman mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang hadir dan tahniah Persatuan Dart Labuan kerana mengaktifkan semula sukan dart di Labuan demi mengelakkan gejala kurang sihat dalam kalangan golongan muda.

Turut menyertai kunjungan

itu ialah Timbalan Presiden, Abu Bakar Osli, Naib Presiden 1, Mohammad Rashid dan Naib Presiden 2, Jamil Jinin.

Selain itu, Timbalan Setiausaha, Rosli Yussup, Merziman Meramit (Bendahari), Zailani Sani, Rosmani Puteh, Anthony Biujin, Mohd Salleh Saidi, Mohd Rashwan Klawan dan Heidar Hussein.



ROZMAN (kanan) menerima cenderamata daripada Suali sambil diperhatikan AJK Persatuan Dart Labuan Sesi 2016-2017 di Pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan, baru-baru ini.